



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK MENAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN FT54 DARI SUNGAI BULOH KE ASSAM JAWA, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR

KUALA SELANGOR – Pelebaran dan kerja-kerja naik taraf Jalan Persekutuan FT54 dari Sungai Buloh Ke Assam Jawa, Kuala Selangor yang menghubungkan Kuala Selangor dan beberapa daerah berhampiran pastinya dapat mengatasi kesesakan lalulintas dan meningkatkan tahap keselamatan pemanduan pengguna jalan raya dan penduduk sekitarnya.

Selain itu, projek ini juga, secara tidak langsung akan memberi impak pertumbuhan ekonomi dan merancakkan pembangunan di kawasan sekitar khususnya di Pekan Ijok dan Kuala Selangor amnya.

Pelebaran jalan sepanjang 25 kilometer akan menghubungkan terus Sungai Buloh ke Assam Jawa. Menerusi projek naik taraf laluan baharu ini, laluan yang asalnya berselekeh tajam sepanjang 2 km telah diluruskan menjadi laluan yang mudah dilalui oleh pengguna jalan raya. Tempoh masa perjalanan juga dapat dijimatkan iaitu sekitar 10 minit dari arah Pekan Ijok dan kawasan sekitarnya ke arah Sungai Buloh.

Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina, melibatkan naik taraf sedia ada daripada laluan dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong, dua (2) hala (JKR R5) sepanjang 25 kilometer dengan 3.0 meter bahu jalan dan 1.6 meter median. Projek ini juga melibatkan kerja naik taraf lima (5) persimpangan sedia ada, dua (2) jejantas pejalan kaki beserta motorsikal dan dua (2) buah jambatan baharu.

Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof hari ini hadir untuk meninjau dan memantau kemajuan projek di tapak pembinaan laluan ini. Projek di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) ini telah pun bermula pada 10 Ogos 2016 dan dijangka siap pada 30 April 2021. Status kemajuan projek ialah 98 peratus. Kos anggaran keseluruhan projek adalah sebanyak RM436 juta.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
10 OGOS 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

tel : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | fax : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | [Kementerian Kerja Raya](#) | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my